

Kajian Rekabentuk Teknik Ukiran pada Komponen Dinding Rumah Tradisional Terengganu

Normadiana Mohammad Hanapi^{1*}, Mohd Mawardi Mohd Kamal²,
Noli Maishara Nordin³, Ahmad Amzari Yaccob⁴

^{1,2,4}Fakulti Kejuruteraan Awam, Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang,
Kampus Jengka, 26400 Bandar Tun Razak Jengka, Pahang, Malaysia
normadiana@pahang.uitm.edu.my, mawardikamal@pahang.uitm.edu.my
amzari@pahang.uitm.edu.my

³Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang,
Kampus Jengka, 26400 Bandar Tun Razak Jengka, Pahang, Malaysia
nolimaisara@pahang.uitm.edu.my

*Penulis Rujukan

Abstrak: Rumah tradisional Terengganu memiliki seni kehalusan perincian ukiran kerawang yang berasaskan flora pada papan cantik sehinggalah ke segenap pelusuk binaan rumah. Kehebatan struktur simbolisme ini dianggap sebagai karya agung yang penuh dengan nilai-nilai estetika tanpa mengabaikan fungsi ruang dan binaan rumah tersebut. Keunikan dan keindahan seni pertukangan rumah tradisional Terengganu ini bukan hanya sekadar merujuk kepada seni ukiran semata-mata, malahan teknik penghasilan komponen struktur utama, komponen bukaan seperti tingkap dan pintu turut bersandarkan kepada adat dan juga kepercayaan keagamaan yang kuat. Justeru itu, kajian ini dikhususkan kepada keunikan teknik ukiran komponen panel dinding bagi rumah tradisional Terengganu yang menerapkan ukiran yang bermotifkan flora, kaligrafi dan geometri. Dapatan kajian ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi dari temu ramah dan perbincangan dengan badan-badan sejarah yang terlibat terutama pihak Muzium Negeri Terengganu dan individu perseorangan serta hasil lawatan tapak yang dilakukan. Secara amnya, ukiran yang lazim digunakan adalah “ukiran Sesayap” dan “ukiran Ketam Guri”. Hasil daripada kajian ini dilihat dapat memberi perspektif baru dan ianya mampu memberi impak positif kepada generasi muda tanahair untuk mendokong dan mempertahankan seni warisan Melayu tradisional.

Kata Kunci: Kerawang, Rumah tradisional, Struktur simbolisme, Ukiran ketam guri, Ukiran sesayap

1. Pengenalan

Rumah Melayu tradisional adalah sebahagian warisan seni bina Malaysia yang sangat bernilai. Ianya telah direkabentuk dan dibina oleh orang kebanyakan yang menampakkan betapa mahir dan kreatifnya mereka dalam bidang seni bina. Ia memaparkan kebijaksanaan dalam penggunaan dan perluasan ruang mengikut keperluan semasa, mengadaptasi cuaca dan penggunaan bahan binaan. Rumah tradisional Melayu melambangkan cara hidup dan sikap terbuka orang Melayu itu sendiri (Norhaiza, 2008).

Secara amnya, rumah ini diperbuat daripada kayu dan bertiang. Dinding diperbuat daripada kayu atau anyaman buluh dan beratapkan rumbia/nipah atau kayu. Tingkap-tingkap mendominasi tampak dari segenap sudut pandangan rumah dan memberikan pengaliran udara yang secukupnya kepada rumah. Ruang dalaman mempunyai ruang terbuka yang luas dan mempunyai dinding pemisah yang tersangat minima. Seni bina Melayu adalah kesan daripada pertembungan budaya kaum yang pernah mendominasi rantau ini seperti Bugis, Riau, Jawa, Aceh, Minangkabau, Siam, Cina dan Barat (Othman, 2000).


Ketahanan kayu sebagai bahan binaan terbukti dengan adanya peninggalan binaan rumah, istana dan masjid tradisi lama di Malaysia. Seni bina tradisi ini telah menonjolkan seni ukiran kayu Melayu yang menggambarkan ciri-ciri seni bina tradisi Melayu dan keunikan budaya bangsa Melayu di masa lampau (Othman, 2000). Faizal (2011) menyatakan bahawa hasil kajian pemerhatian mendapati penggunaan bahan kayu dan seni ukiran kayu semakin lama

semakin berkurangan. Peranan kayu telah diganti oleh bahan binaan lain seperti bahan logam atau batu.

Di Negeri Terengganu terdapat beberapa bentuk rumah tradisional Melayu yang mana rekabentuk ukiran rumah tradisional ini bermotifkan flora dan kaligrafi. Berdasarkan kajian Norhaiza (2008) dan Wan Mustapha (2009), motif yang paling banyak sekali digunakan dalam rekabentuk ukiran rumah melayu tradisional adalah flora dan kaligrafi kerana selaras dengan ajaran Islam yang melarang penggunaan motif berbentuk figura. Motif-motif lain yang digunakan adalah olahan dari tumbuhan di sekitar kawasan.

Walau bagaimanapun, sesetengah motif adalah tanpa nama kerana gambaran adalah berdasarkan kepada imaginasi pengukirnya. Ini menunjukkan betapa kreatifnya dan halusny seni tangan para pengukir terdahulu dalam mengembangkan idea-idea mereka yang tersendiri tanpa meniplak idea orang lain.

Azreena et al. (2013) mengkelaskan antara tumbuhan setempat yang diolah menjadi motif ukiran ialah Pokok Kekacang, Bunga Cengkih, Bayam, Bunga Bakung, Bunga Cempaka, Bunga Kenanga, Bunga Anggerik, Sulur Bayung Bunga, Bunga Raya, Bunga Teratai, Buah Padi, Daun Keladi, Daun Peria, Daun Pucuk Paku, Daun Bunga Jermin, Bunga Kekwa, Pucuk Rebung, Bunga Kerak Nasi, Bunga Lawang dan sebagainya.



Rajah 1. Tumbuhan yang dijadikan motif ukiran

Sumber: Desa Ukiran Kayu, Besut (2014)

Apabila Islam diterima oleh bangsa Melayu di rantau ini, para pengukir telah giat menghasilkan seni ukir yang bercirikan keIslaman. Seni kaligrafi terus mendapat tempat di kalangan pengukir dan sering diolah bersama-sama dengan motif flora dan geometri yang digunakan berupa teks nasihat, pengajaran, peringatan, undang-undang, doa dan sebagainya (Keumala et al., 2012). Biasanya kaligrafi ini mempunyai makna dan kadang-kala menyampaikan mesej kepada orang ramai. Namun, mesej tersebut bergantung kepada fungsi dan lokasi seni ukiran tersebut. Menurut Othman (2000) fahaman fundamental Islam telah mendorong penerapan seni ukiran kayu Melayu dalam bangunan, dengan melahirkan motif baru

yang berasaskan unsur-unsur seperti bentuk geometri, bunga–bungaan, pucuk tumbuhan dan dedaunan.

Ismail (2001) menjelaskan bahawa motif geometri terus berkembang selari dengan penerimaan bangsa Melayu terhadap agama Islam. Apabila motif haiwan tidak dibenarkan, pengukir mula menerapkan corak geometri dalam ukiran. Biasanya, motif geometri ini digabungkan dengan motif kaligrafi. Namun, ada juga geometri digabungkan dengan motif flora.

Penggunaan motif geometri ini telah berkembang dengan pesat dan banyak menggunakan unsur geometri Islam. Motif geometri seumpama ini banyak didapati di masjid, surau, makam, istana dan rumah. Ada motif geometri yang telah ditukarkan namanya kepada nama tempatan. Contohnya motif ‘Pilih Berganda’ dan ‘Swastika’ ditukar namanya kepada motif Potong Wajik dan Siku Keluang (Kraftangan Malaysia, 2009:68).

2. Kaedah Kajian

2.1 Rekabentuk Ukiran Melayu

Terdapat enam buah rumah tradisional Terengganu yang mempunyai rekabentuk ukiran melayu. Rumah–rumah ini dipilih berdasarkan motif–motif dan rekabentuk ukiran yang menggambarkan warisan Melayu Terengganu sama ada dari segi flora, kaligrafi dan geometri. Jadual 1 di bawah menunjukkan senarai rumah tradisional Melayu Terengganu yang terdapat di Muzium Terengganu berserta tahun pembinaannya.

Jadual 1. Senarai rumah tradisional Melayu Terengganu untuk Analisa Kajian

NO	NAMA RUMAH	TAHUN
1	Rumah Limas Belanda	1800 an
2	Rumah Bujang Selasar	1885
3	Rumah Tele	1988
4	Istana Tengku Long	1904

2.2 Temuramah bersama Pengukir dan Penolong Kurator Muzium Terengganu

Temuramah telah dilakukan bersama pengukir tempatan iaitu saudara Husni Zulakhbar bin Cik Hussin daripada Desa Ukiran Kayu Tengku Long, Besut. Temuramah ini bertujuan untuk mengenalpasti teknik ukiran serta motif ukiran yang dihasilkan.


2.3 Temuramah bersama Penolong Kurator Muzium Terengganu

Temuramah telah dilakukan bersama penolong Kurator Muzium Terengganu iaitu saudari Normaslina bt Ahmad. Temuramah ini bertujuan untuk mengenalpasti jenis serta motif ukiran yang dihasilkan pada panel dinding rumah tradisonal Terengganu yang terdapat di Muzium Negeri Terengganu.

3. Dapatan Kajian

Berdasarkan kajian yang telah dilakukan, bentuk bunga ukiran Melayu Terengganu biasanya mengikut empat bentuk asas iaitu stupa, makara, gunungan, dan teratai (Rajah 2).


Hasil daripada temubual pengukir tempatan, jenis ukiran yang berbeza digunakan pada komponen-komponen rumah tradisional Terengganu. Terdapat tiga komponen utama pada rumah tradisional Terengganu iaitu kerangka, elemen dan perhiasan. Panel dinding merupakan komponen kerangka yang menanggung beban. Oleh yang demikian, hanya bunga ukiran kasar serta mudah sahaja yang diterapkan pada komponen ini. Berlainan pula ukiran pada komponen elemen iaitu ukiran yang lebih halus digunakan kerana ia menjadi tarikan sesebuah rumah tersebut. Ukiran ini dapat di lihat pada daun pintu, kekisi dan sisir angin.



Rajah 2. Bentuk asas ukiran Melayu di Terengganu


Sumber: Desa Ukiran Kayu, Besut (2014)

Antara ukiran yang terdapat di panel dinding rumah tradisional Terengganu ialah ukiran yang bermotifkan flora iaitu pokok-pokok herba seperti daun sesayap, bunga ketumbit, bayam peraksi serta daun ketam guri. Hal ini berkait rapat dengan perubatan tradisional yang diamalkan oleh masyarakat Melayu suatu ketika dahulu. Sebagai contoh dedaun pokok Ketam Guri dapat merawat masalah diabetes serta bersifat anti bakteria dan anti fungus. Manakala bunga Ketumbit pula dapat merawat demam, batuk, cirit birit serta bengkak akibat gigitan serangga.




Rajah 3. Ukiran Daun Sesayap

Sumber: Desa Ukiran Kayu, Besut (2014)



Rajah 4. Ukiran Ketam Guri

Sumber: Kraftangan Malaysia (2009)



Rajah 5. Ukiran Ketumbit

Sumber: Desa Ukiran Kayu, Besut (2014)


Selain ukiran yang bermotifkan flora, ukiran unsur kaligrafi Jawi dan ayat-ayat suci al-Quran juga diterapkan pada komponen panel dinding rumah tradisional Terengganu. Unsur kaligrafi ini digabungkan dengan unsur tumbuh-tumbuhan. Penggunaan motif kaligrafi pada rumah-rumah Melayu berfungsi untuk mengakui keagungan Allah s.w.t dan Nabi Muhammad

s.a.w. Ukiran ini kebiasaannya terletak pada bahagian tertentu untuk berdasarkan fungsi yang ada di sebalik ukiran tersebut.



Rajah 6. Ukiran Kaligrafi Islam

Sumber: Desa Ukiran Kayu, Besut (2014)



Rajah 7. Ukiran Ayat Al Quran pada Rumah Limas Belanda

Sumber: Muzium Negeri Terengganu (2015)

4. Rumusan

Berdasarkan kajian yang telah dilakukan, rumah-rumah tradisional Terengganu kebanyakannya menerapkan teknik ukiran yang bermotifkan flora, geometri dan kaligrafi. Walau bagaimanapun, ukiran yang bermotifkan fauna telah dilarang sama sekali selepas kedatangan Islam kerana ianya berunsurkan penyembahan. Hasil kajian ini juga menunjukkan kini ukiran yang diterapkan pada komponen-komponen rumah tradisional Terengganu hanya digunakan sebagai dekorasi sahaja berbanding fungsinya suatu ketika dahulu untuk tujuan pencahayaan, pengudaraan, struktur bangunan dan keselamatan. Ini disebabkan fungsi-fungsi tersebut telah diambil alih oleh bahan-bahan baru yang lebih tahan lama, mudah dibuat, cepat diperolehi dan harga berpatutan seperti konkrit, aluminium, panel kaca, dan sebagainya. Bagi memastikan warisan Melayu ini tidak pupus ditelan zaman, pihak bertanggungjawab harus mempertahankan seni warisan ini dengan memperbanyakkan lagi pusat kemahiran yang menawarkan kursus ukiran Melayu.

Selain itu juga, kreativiti pengukir juga memainkan peranan penting dalam meningkatkan lagi kualiti ukiran kayu agar senantiasa diperbaharui mengikut peredaran zaman. Usaha ini harus dilakukan agar warisan Melayu ini tidak pupus ditelan zaman.

5. Rujukan

- Azreena Abu Bakar & Nangkula Utaberta. (2013). Motif-motif ukiran pada rumah tiang dua belas di Kelantan Dan Terengganu. *Journal Design & Buil Environment, Vol 6 2013*. 17-19.
- Ismail Said. (2001). Spesies-spesies kayu dalaman ukiran Melayu. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Ismail Said. (2002). 'Visual composition of Malay wood carving in venacular houses in Peninsular Malaysia'. *Journal Teknologi, Universiti Teknologi Malaysia*. 37: 4352.
- Keumala, N. et al. (2012). Pengaplikasian ukiran kayu melayu dalam seni bina di Malaysia. *Journal of Design and Built Environment, Vol.11, Dec 2012*. 23-28.
- Kraftangan Malaysia. (2009). Ukiran kayu warisan Melayu. Kuala Lumpur Perbadanan Kemajuan Kraft Tangan Malaysia.
- Muhammad Faizal Abd Rani. (2011). Motif dan pengaplikasian seni ukiran Melayu. *Journal Design & Built Environment, Vol 3, May 2011*. 13±15.
- Norhaiza Noordin, Personal communication: "The art of woodcarving", 2008. O.G. Ocvirk, R.E. Stinson, P. R. Wigg, R. O. Bone & D. L. Cayton. (2002). "Art fundamentals: Theory and practice". New York: McGraw-Hill.
- Norhaiza Nordin. (2008). Pengaruh dalam reka bentuk corak dan motif seni ukir kayu Melayu- Seminar seni ukir kayu Melayu: Warisan Nik Rashiddin Nik Hussein.
- Othman Yatim. (2000). Mengukir kegemilangan lalu: Biografi Wan Su Othman, penerima anugerah seni negara 1997. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Kesenian Dan Pelancongan.
- Wan Mustapha. (2009). Motif ukiran pada rumah Kelantan dan Terengganu. *Journal of Architecture and Building Engineering, Vol. 4 No. 1 May*. 6-8.
- Hasil perbincangan tentang "Ukiran Rumah Tradisional Terengganu" dalam catatan temu bual dengan Encik Husni Zulakhbar di Desa Ukiran Kayu, Besut.
- Hasil perbincangan tentang "Jenis Rumah Tradisional Terengganu" dalam catatan temu bual dengan Pn. Normaslina Ahmad di Muzium Negeri Terengganu.